Mengekalkan Integriti Kewangan

Bank terus komited untuk memelihara integriti sistem kewangan Malaysia dengan memastikan pematuhan pada piawaian AML/CFT bagi mengesan dan mencegah kegiatan jenayah.

Peranan Bank

Selaku pihak berkuasa berwibawa di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001, AMLA 2001), Bank dengan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan memainkan peranan penting bagi memastikan rangka kerja pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan (*anti-money laundering and countering financing of terrorism*, AML/CFT) yang holistik dan mantap dilaksanakan di Malaysia. Hal ini termasuk peranannya sebagai unit perisikan kewangan (*financial intelligence unit*, FIU) negara dan pihak berkuasa penyeliaan AML/CFT untuk institusi pelapor yang terdiri daripada institusi kewangan[1], institusi kewangan bukan bank (IKBB)[2], serta perniagaan dan profesion bukan kewangan yang ditentukan (*designated non-financial businesses and professions,* DNFBP)[3]. Bank juga bertindak sebagai pengerusi dan sekretariat Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (National Coordination Committee to Counter Money Laundering, NCC).

[1] Merujuk bank, bank pelaburan, bank Islam, syarikat insurans, pengendali takaful dan perniagaan perkhidmatan wang berlesen; institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan; serta pengeluar instrumen pembayaran dan instrumen pembayaran Islam, penasihat kewangan, penasihat kewangan Islam, syarikat broker insurans dan syarikat broker takaful yang diluluskan.

[2] Merujuk Lembaga Tabung Haji serta institusi yang menjalankan aktiviti berkaitan perniagaan kredit bangunan, pemajakan dan pemfaktoran.

[3] Merujuk peguam, akauntan, setiausaha syarikat, syarikat amanah, peniaga logam berharga atau batu berharga, kasino, pusat perjudian, ejen harta tanah berdaftar, pemberi pinjam wang dan pemegang pajak gadai.

Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram

Ditubuhkan pada tahun 2000, NCC terus memacu penyelarasan, pelaksanaan dan pemantauan inisiatif AML/CFT pada peringkat kebangsaan. NCC berperanan sebagai platform antara agensi bagi memastikan tindakan yang kohesif dan responsif dalam menangani risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (*money laundering and terrorism financing*, ML/TF) yang baru muncul dan sentiasa berkembang. Pelan Hala Tuju NCC 2021-2023 yang merangkumi 67 inisiatif telah dibangunkan bagi memelihara integriti rejim AML/CFT negara dan sistem kewangan, serta pada masa yang sama memastikan pematuhan Malaysia terhadap piawaian antarabangsa yang ditetapkan oleh Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (Financial Action Task Force, FATF). Sehingga akhir tahun 2022, satu pertiga daripada inisiatif ini telah selesai atau sedang berlangsung iaitu bagi inisiatif yang berterusan, yang mana dua pertiga baki dijangka selesai pada akhir tahun 2023. Beberapa inisiatif penting yang dilaksanakan pada tahun 2022 dibincangkan dalam bab ini, termasuk penubuhan Pusat Respons Scam Kebangsaan (National Scam Response Centre, NSRC), mengadakan kerjasama secara formal antara Bank dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), mempertingkatkan amalan penyeliaan serta aktiviti kesedaran yang lain.

Perkongsian Risikan Kewangan[4] dan Sokongan kepada Penguatkuasaan Undang – Undang

Melalui FIU, Bank menerima, menganalisis dan mengemukakan risikan kewangan kepada agensi penguatkuasaan undang-undang dalam negara

[4] Merujuk maklumat yang diterima dan dikumpul oleh unit perisikan kewangan (financial intelligence unit, FIU), seperti laporan transaksi yang mencurigakan, laporan nilai ambang tunai serta hasil analisis FIU.


yang berkaitan dan mana-mana maklumat yang berkaitan juga akan dikongsi dengan unit perisikan kewangan asing. Kejayaan penggunaan risikan kewangan untuk memerangi jenayah kewangan bergantung pada kualiti dan ketepatan masa laporan transaksi yang mencurigakan (*suspicious transaction reports*, STR) dan laporan nilai ambang tunai (*cash threshold reports*, CTR) yang diterima daripada institusi pelapor. Sehubungan dengan itu, institusi pelapor dikehendaki untuk memastikan proses pendaftaran (*onboarding*) dan pemantauan transaksi pelanggannya adalah berkesan dalam mengenal pasti sebarang tingkah laku atau transaksi yang dilakukan di luar kelaziman, memandangkan tiada pihak lain yang mempunyai akses kepada akaun pelanggan. Institusi pelapor juga hendaklah memastikan bahawa kakitangan mereka dilatih dengan secukupnya untuk mengesan ketidaklaziman yang timbul ketika berurusan dengan pelanggan. Tindakan ini akan membolehkan institusi pelapor mengemukakan laporan STR kepada FIU tepat pada masanya. Penggunaan penyelesaian teknologi yang semakin meningkat oleh institusi pelapor telah menambah lagi kecekapan operasi mereka dari segi pendaftaran pelanggan dan pemantauan transaksi pelanggan yang berterusan.

Pada tahun 2022, sebanyak 242,914 STR diterima, dengan peningkatan sebanyak 27% berbanding dengan tahun 2021. STR berkaitan dengan penipuan dan pengubahan wang haram terus meningkat. Jenayah berisiko tinggi[5] mewakili kira-kira 70% daripada hasil risikan yang dikemukakan FIU kepada agensi penguatkuasaan undang-undang dan FIU asing. Selebihnya sebanyak 30% melibatkan jenayah lain seperti kesalahan cukai, pemerdagangan orang dan pengiriman wang secara haram. Risikan kewangan yang dikemukakan ini telah mendorong kepada tangkapan terhadap 51 individu, pembekuan dan penyitaan aset lebih daripada RM570 juta, serta pengambilan semula hasil berkaitan jenayah yang melibatkan jenayah terancang dan kesalahan cukai sebanyak RM372 juta.

Pelbagai usaha diambil untuk mempertingkatkan keupayaan pemantauan transaksi oleh institusi pelapor bagi mengesan transaksi yang mencurigakan dengan berkesan. Pada tahun 2022, Bank

5 Jenayah berisiko tinggi merujuk penipuan, rasuah, jenayah terancang, penyeludupan dan pengedaran dadah, seperti yang dikenal pasti di bawah Penilaian Risiko Negara mengenai ML/TF 2020. Keganasan dan pembiayaan keganasan serta pembiayaan percambahan turut diberikan keutamaan dari segi keselamatan negara.

Rajah 1: Penzahiran Risikan Kewangan Mengikut Kesalahan Berat pada Tahun 2022



Nota: "Lain-lain" termasuk jenayah berkaitan pembiayaan percambahan, pemerdagangan orang dan penyeludupan migran, aktiviti pengiriman wang haram dsb.

Sumber: Bank Negara Malaysia

mengeluarkan beberapa nasihat dan laporan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan institusi pelapor mengenai risiko dan trend yang baru muncul, modus operandi yang lazim dan jenayah berisiko tinggi yang sedia ada. Bank juga mengadakan sesi libat urus berkaitan piawaian pelaporan transaksi yang mencurigakan. Matlamatnya adalah untuk meningkatkan keupayaan analisis institusi pelapor melalui kualiti STR yang lebih baik pada masa hadapan.

Langkah-Langkah untuk Meningkatkan dan Menyelaraskan Tindak Balas terhadap Penipuan

Penipuan terus menjadi salah satu jenayah berisiko tinggi yang paling utama dalam ketiga-tiga penilaian risiko negara (*national risk assessment*, NRA) mengenai pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (ML/TF) sejak tahun 2013. Satu aspek penipuan yang semakin meningkat sejak berlakunya pandemik ialah penipuan kewangan dalam talian. Trend yang sama juga berlaku di seluruh dunia dengan penjenayah mengekploitasi keadaan pandemik untuk melakukan penipuan, fraud dan jenayah siber. Oleh itu, FATF telah menyasarkan keutamaan untuk menilai cabaran dan teknik pengubahan wang haram yang berkaitan serta menyediakan platform untuk perkongsian amalan terbaik antara negara anggota.

Menyedari keperluan untuk tindak balas bersepadu yang cepat dan berkesan bagi memerangi penipuan kewangan dalam talian, Pusat Respons Scam Kebangsaan (National Scam Response Centre, NSRC) telah ditubuhkan pada bulan Oktober 2022. NSRC

menggabungkan pelbagai sumber dan kepakaran daripada Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (National Anti-Financial Crime Centre, NFCC), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bank dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) serta institusi kewangan dan syarikat telekomunikasi. Pengesanan aliran dana oleh NSRC telah membantu menambah baik pengesanan, sekali gus berjaya memintas hasil penipuan dalam talian. Gambar Rajah 1 memberikan butiran lanjut mengenai kemajuan yang dicapai oleh NSRC.

Memandangkan penipuan bersifat rentas sempadan, satu inisiatif serantau yang dikenali sebagai Multi-jurisdictional Anti-Fraud Project telah dijalankan dengan kerjasama Suspicious Transaction Reporting Office (STRO) Singapura dan Financial Transaction Reports and Analysis Centre (INTRAC) Indonesia. Projek ini bertujuan untuk membina mekanisme tindak balas terhadap kes-kes penipuan yang melibatkan transaksi rentas sempadan antara negara anggota dalam Financial Intelligence Consultative Group (FICG)[6], khususnya dalam aspek mengesan, menjejak dan mendapatkan semula dana untuk mangsa. Projek ini akan membantu anggota FICG berkongsi maklumat risikan kewangan dengan cepat dan mudah, sekali gus menyokong tindakan pantas oleh pihak berkuasa dalam membanteras penipuan dan mendapatkan semula wang yang telah dicuri. Terma-terma untuk mentadbir urus perkongsian maklumat risikan kewangan antara FIU sedang dimuktamadkan untuk diterima pakai dan disasarkan untuk beroperasi sepenuhnya menjelang suku kedua 2023.

Gambar Rajah 1: Kemajuan dan Pencapaian NSRC pada Tahun 2022

Bantuan Awam

- **Memberikan respons kepada 12,253 panggilan orang awam ramai berkaitan penipuan kewangan dalam talian, dengan 4,216 panggilan membabitkan mangsa penipuan yang melibatkan jumlah kerugian sebanyak RM41 juta.**
- **Menyelaras kempen kesedaran yang melibatkan semua ahli NSRC untuk berkongsi modus operandi/ taktik terkini melalui saluran media agensi masing-masing bagi memastikan penyampaian mesej yang meluas dan konsisten.**

Pemulihan Dana & Penguatkuasaan

- **Mengenal pasti 9,198 akaun keldai baharu bagi membolehkan institusi-institusi kewangan mengehadkan pelbagai lapisan pindahan wang untuk menyembunyikan punca dana haram.**
- **Membuka 554 kertas siasatan melibatkan penipuan dan mengeluarkan perintah pembekuan ke atas akaun kutipan yang disasarkan yang melibatkan jumlah sehingga RM14 juta.**
- **Pengurangan masa yang diambil untuk mengesan dan menyekat dana hasil penipuan kewangan daripada beberapa bulan kepada beberapa jam.**
- **Mewujudkan mekanisme komunikasi berstruktur antara bank bagi membolehkan pengesanan dan sekatan pintasan dana yang dicuri.**
- **Menggunakan keupayaan analisis rangkaian untuk menyokong siasatan, termasuk mengenal pasti sindiket penipuan.**

Langkah Pencegahan oleh Institusi-institusi Kewangan

- **Tindakan segera ke atas akaun-akaun keldai - sekatan/penamatan/laporan kepada pengawal selia/perkongsian dalam kalangan institusi kewangan.**
- **Penambahbaikan penunjuk-penunjuk bagi institusi kewangan melaksanakan usaha wajar, penilaian risiko dan penunjuk penipuan berdasarkan input yang diterima.**

Sumber: Data daripada NSRC setakat Disember 2022

[6] FICG ialah badan serantau Financial Intelligence Units (FIU) yang terdiri daripada ASEAN 10, New Zealand dan Australia. Ia kini dipengerusikan secara bersama oleh Bank dan Australian Transaction Reports and Analysis Centre (AUSTRAC).

Penyeliaan AML/CFT untuk Meningkatkan Budaya Pematuhan

Pengawasan dan penyeliaan oleh Bank berhubung dengan pematuhan AML/CFT meliputi bilangan institusi pelapor yang besar (kira-kira 30,000). Berikutan liputan yang meluas ini, Bank mengekalkan pendekatan berasaskan risiko, iaitu dengan mengaplikasikan tumpuan penyeliaan dan sumber Bank berdasarkan materialiti dan risiko setiap institusi. Selain itu, Bank terus memanfaatkan SupTech bagi memudahkan analisis data yang besar serta terperinci yang diterima daripada institusi pelapor di samping data daripada sumber lain untuk pengesanan risiko lebih awal dan pengawasan pematuhan yang lebih baik.

Penyeliaan Sektor Kewangan

Pada tahun 2022, Bank mempertingkatkan penilaian terhadap bidang AML/CFT yang membimbangkan dan bidang risiko yang tertentu, terutamanya yang telah dikenal pasti daripada hasil penilaian NRA 2020. Secara khusus, Bank menjalankan penilaian terhadap hubungan koresponden, rasuah, penipuan dan sekatan kewangan bersasar. Penilaian pematuhan sektor kewangan dalam keperluan menguruskan hubungan koresponden menunjukkan bahawa langkah-langkah yang boleh diterima telah dilaksanakan dan menjadi sebahagian daripada penilaian usaha wajar mereka untuk mengurangkan potensi risiko ML/TF[7].

Penggunaan SupTech oleh Bank untuk memantau perniagaan perkhidmatan wang sejak tahun 2017 telah membolehkan penilaian yang lebih bersasar terhadap industri ini. Hal ini membolehkan intervensi penyeliaan yang lebih berkesan untuk menghalang aktiviti haram dan ketidakpatuhan yang melibatkan perniagaan perkhidmatan wang. Gambar Rajah 2 memaparkan intervensi penyeliaan yang disebabkan hasil analisis pada tahun 2022.

Bagi menambah baik piawaian pengurusan risiko AML/CFT oleh institusi pelapor secara keseluruhan, Bank berkongsi hasil penilaian yang dijalankan dalam bentuk laporan tematik. Laporan ini menggariskan amalan terbaik dalam industri dan kehendak minimum Bank untuk AML/CFT. Salah satu laporan tersebut adalah daripada hasil penilaian tematik terhadap langkah-langkah kawalan AML/CFT untuk memerangi akaun keldai (*mule account*). Penilaian ini dijalankan berikutan peningkatan tahap penipuan

Gambar Rajah 2: Intervensi yang Disebabkan oleh Hasil Analisis pada Tahun 2022 yang Melibatkan Perniagaan Perkhidmatan Wang



Sumber: Bank Negara Malaysia

[7] Penilaian terhadap keberkesanan langkah-langkah kawalan sektor kewangan dalam menguruskan risiko berkaitan rasuah, penipuan dan sekatan kewangan bersasaran masih terus dijalankan

yang dikesan antara tahun 2019 hingga 2021. Antara lain, penilaian ini mendapati kebanyakan institusi perbankan bergantung pada mekanisme pemantauan transaksi tradisional yang tidak dirumus secara ideal untuk mengesan akaun keldai. Kaedah pemantauan transaksi secara tradisional adalah semakin terbatas terutamanya dalam mengesan corak transaksi akaun keldai yang tidak sepadan dengan profil risiko akaun keldai. Oleh itu, institusi perbankan perlu mempercepat penggunaan analisis data untuk analisis lanjutan berkaitan transaksi dan tingkah laku pelanggan, dengan mengambil kira risiko dan kaedah yang berubah-ubah. Bagi institusi perbankan yang perlu membuat penambahbaikan terhadap keperluan tertentu, Bank mengeluarkan surat penyeliaan yang menghendaki pelan yang kukuh untuk menangani jurang yang telah dikenal pasti.

Selain laporan tematik, Bank juga memperluas perkongsian maklumat ke seluruh industri kewangan. Pada tahun 2022, Bank menganjurkan dialog pematuhan buat kali pertama untuk pengeluar wang elektronik bukan bank bagi membincangkan isu-isu pematuhan dan cabaran dalam pelaksanaannya. Sesi tersebut juga membincangkan mengenai modus operandi terkini skim penipuan, serta isu-isu pematuhan dan kehendak penyeliaan untuk meningkatkan tahap pematuhan.

Penyeliaan Perniagaan dan Profesion Bukan Kewangan yang Ditentukan (DNFBP) dan Institusi Kewangan Bukan Bank (IKBB)

Selaku pihak berkuasa berwibawa, Bank menjalankan penyeliaan AML/CFT terhadap DNFBP dan IKBB. Pendekatan penyeliaan berasaskan risiko yang digunakan Bank terhadap sektor-sektor ini telah berkembang sejak tahun 2016[8]. Pada tahun 2022, Bank mengambil pendekatan penguatkuasaan yang lebih ketat terhadap ketidakpatuhan yang dikenal pasti dalam usaha memupuk budaya pematuhan yang lebih mantap, termasuk mengeluarkan Perintah Arahan[9].

Bank meneruskan penggunaan pendekatan pengawasan luar premis, iaitu Laporan Data dan Pematuhan (Data and Compliance Report, DCR)[10] yang telah ditambah baik untuk mendapatkan data dan maklumat pematuhan yang lebih terperinci. Pada tahun 2022, penambahbaikan proses ini menghasilkan peningkatan DCR yang diterima daripada institusi pelapor sebanyak 55% berbanding dengan tahun sebelumnya. Pengumpulan data risiko dan operasi yang lebih terperinci daripada institusi pelapor melalui DCR, yang dilengkapi dengan penggunaan analisis data, membolehkan pemahaman yang lebih baik mengenai risiko ML/TF pada peringkat institusi dan meningkatkan kecekapan proses penyeliaan. Dengan ini, Bank dapat mengenal pasti dengan lebih tepat institusi pelapor yang terdedah kepada risiko ML/TF yang lebih tinggi, dan bidang risiko ML/TF yang tinggi untuk tumpuan penyeliaan bersasar. Institusi pelapor juga dimaklumkan mengenai bidang-bidang tertentu untuk penambahbaikan pada peringkat institusi.

Sejak beberapa tahun yang lalu, Bank telah memupuk kerjasama tidak formal yang progresif dengan pihak berkuasa pengawalan dan penyeliaan DNBFP yang lain. Usaha ini bertujuan memanfaatkan keupayaan pihak berkuasa masing-masing untuk bersama-sama mencapai pengawasan penyeliaan AML/CFT yang berkesan. Pada tahun 2022, Bank telah memeterai kerjasama dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), selaku pihak berkuasa pengawalseliaan untuk setiausaha syarikat dan syarikat amanah, melalui Terma Kerjasama (Terms of Collaboration, TOC). Usaha ini mendorong kepada lebih banyak inisiatif kerjasama seperti pengeluaran DCR secara bersama, di samping SSM mengetuai pemeriksaan bersama di premis setiausaha syarikat. Bank dan SSM juga mengeluarkan "Reference Note on Beneficial Ownership for Legal Persons" bagi menjelaskan kehendak pengawalseliaan masing-

[8] Pada tahun 2016, Bank menubuhkan unit penyeliaan yang khusus untuk mengawasi hal-hal AML/CFT untuk DNFBP dan IKBB berikutan risiko ML/TF yang semakin canggih dan rumit dalam sektor-sektor ini.

[9] Merujuk perintah yang dikeluarkan menurut seksyen 22 AMLA 2001 untuk mengarahkan institusi pelapor menjalankan langkah-langkah pemulihan ketidakpatuhan dalam tempoh tertentu. Sekiranya gagal, institusi pelapor boleh dikenakan denda. Di bawah seksyen 92 AMLA 2001, Bank juga boleh, dengan persetujuan Timbalan Pendakwa Raya, mengeluarkan kompaun bagi ketidakpatuhan.

[10] DCR ialah salah satu alat penyeliaan yang diterima pakai oleh Bank sebagai pihak berkuasa berwibawa, yang membolehkan Bank menilai pendedahan institusi pelapor terhadap risiko ML/TF sambil membolehkan institusi pelapor menilai sendiri dan memahami pematuhan mereka terhadap keperluan AML/CFT. DCR dikeluarkan menurut seksyen 8(3)(a), 16(6) dan 25(2) AMLA 2001 dibaca bersama dengan seksyen 143(2) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan seksyen 155(2) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

masing. Pengaturan yang sama dengan pihak berkuasa kawal selia kendiri yang lain dalam sektor perundangan dan perakaunan telah dirancang dalam jangka masa terdekat.

Strategi kesedaran pelbagai serampang digunakan untuk DNFBP dan IKBB memandangkan bilangan institusi pelapor yang besar. Pada tahun 2022, Bank menjalankan 47 sesi libat urus untuk menyampaikan kehendak pengawalan dan penyeliaannya. Usaha ini dilengkapi dengan program AML/CFT yang didorong industri, diterajui oleh pakar industri yang bertauliah hasil daripada program Bank iaitu '*Train-the-Trainer*' yang diperkenalkan pada tahun 2021. Bank juga terus menghasilkan buletin mengenai topik AML/CFT secara berkala untuk memastikan sektor DNFBP dimaklumkan dengan perkembangan terkini.

Langkah Selanjutnya

Bank komited untuk memelihara integriti sistem kewangan Malaysia dengan memastikan pematuhan pada piawaian AML/CFT bagi mengesan dan mencegah kegiatan jenayah. Sehubungan dengan itu, usaha Bank akan ditumpukan pada tiga teras utama berhubung dengan langkah-langkah AML/CFT seperti yang digariskan dalam Pelan Sektor Kewangan 2022 – 2026:

1. Mempertingkatkan usaha bersepadu dan menambah baik penyelarasan bagi mencegah, mengesan, menghalang dan menumpaskan jenayah kewangan dengan lebih baik seawal kesempatan yang mungkin;
2. Memperdalam pemahaman Bank berhubung dengan bidang-bidang risiko ML/TF yang baru muncul dan lebih tinggi serta membangunkan tindak balas dasar yang sesuai; dan
3. Menggalakkan inisiatif kerjasama yang diterajui oleh industri untuk meningkatkan budaya pematuhan.